

## ISU DAN PERMASALAHAN KETERANGAN KANAK-KANAK DI BAWAH UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA: SATU PENILAIAN

*Aminuddin Mustaffa*

aminuddinm@unisza.edu.my

Fakulti Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa  
Universiti Sultan Zainal Abidin

*Siti Nurul Aziera Moharani*

Fakulti Undang-undang  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### **Abstrak**

Makalah ini bertujuan untuk mengupas permasalahan dan kerumitan yang timbul dalam mengetengahkan keterangan kanak-kanak, dalam proses perbicaraan, dengan merujuk peruntukan undang-undang berkaitan yang sedia ada di Malaysia. Undang-undang secara umumnya mengiktiraf kemampuan dan kredibiliti kanak-kanak memberikan keterangan dalam perbicaraan di mahkamah. Namun demikian, disebabkan faktor umur dan ketidakmatangan, kanak-kanak selalu berhadapan dengan pelbagai kesukaran dalam memberikan keterangan semasa perbicaraan sekali gus berkemungkinan menjejaskan sama ada kredibiliti ataupun nilai keterangan mereka dari sudut perundangan. Oleh itu, artikel ini juga mengenal pasti dan membincangkan kaedah dan prosedur terbaik bagi memastikan kanak-kanak dapat memberikan keterangan dengan lancar dan tepat, tanpa dibayangi unsur takut, risau, trauma dan sebagainya.

Kata kunci: keterangan kanak-kanak, ketidakmatangan, hak kanak-kanak, undang-undang Malaysia

### **Abstract**

*This article aims to critically discuss problems and difficulties in extracting evidence from children during court proceedings, with reference to the provisions of relevant statutes in Malaysia. In general, law recognizes the ability as well as the credibility of a child to give evidence in the trial process, provided that he satisfies all the requirements and conditions outlined by the principles of law. However, children, due to their tender age and immaturity, more often than not face difficulties in the process of giving evidence in court. The narration will impact on the process of adducing evidence from the children and consequently affect the credibility or probative value of the*

*evidence tendered. This article shall further provide for some suggestions to be considered in respect of certain imprecision, perceived or otherwise, within the relevant laws.*

*Keywords: children evidence, immaturity, children right, Malaysian Law*

## PENDAHULUAN

Malaysia ialah sebuah negara yang mempunyai populasi penduduk seramai 27 565 821 orang.<sup>1</sup> Daripada jumlah tersebut, seramai 11 811 178 berusia 19 tahun dan ke bawah.<sup>2</sup> Angka tersebut dengan sendirinya menunjukkan betapa kanak-kanak merupakan satu entiti besar dan aset penting kepada masyarakat dan juga negara ini. Kewajipan negara, bukan sahaja melindungi kebajikan, kepentingan dan keperluan kanak-kanak, tetapi juga mengiktiraf hak mereka sebagai warganegara. Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Hak Kanak-kanak atau Convention on Right of Children (CRC) telah meluluskan resolusi bagi mengiktiraf hak kanak-kanak pada peringkat antarabangsa, meliputi pemberian hak sivil, politik, ekonomi, sosial, dan kebudayaan kepada kanak-kanak Malaysia. Sebagai salah sebuah negara yang telah meratifikasikan konvensyen ini pada 13 Februari 1995, Malaysia terikat dengan komitmen mematuhi segala peruntukan yang telah digariskan oleh konvensyen tersebut, kecuali 8 artikel yang masih direservasi.<sup>3</sup>

Antara hak asasi kanak-kanak yang digariskan oleh CRC termasuklah hak mendapatkan perbicaraan yang adil dan saksama di bawah sistem perundangan. Perkara ini meliputi hak kanak-kanak memberikan keterangan sebagai saksi dalam mana-mana perbicaraan. Artikel 12 CRC menyatakan bahawa kanak-kanak mestilah diberikan peluang untuk didengar dalam

---

1 Laporan Kiraan Permulaan Banci 2010. Jabatan Perangkaan Malaysia <http://www.statistics.gov.my>.

2 [www.epu.gov.my](http://www.epu.gov.my).

3 Sehingga kini Malaysia masih mempunyai lapan reservasi terhadap CRC, iaitu Artikel 1 (takrifan anak), Artikel 2 (Prinsip tidak mendiskriminasi), Artikel 7 (Nama dan kerakyatan), Artikel 13 (Kebebasan bercakap), Artikel 14 (Kebebasan berfikir dan beragama), Artikel 15 (Kebebasan bersatu), Artikel 28(1) (Pelajaran sekolah rendah yang wajib dan percuma) dan Artikel 37 (Penyelesaian dan kehilangan kebebasan).

apa-apa prosiding yang melibatkan kepentingan kanak-kanak, sama ada prosiding undang-undang mahupun pentadbiran.<sup>4</sup>

Pemakaian peruntukan CRC ini adalah luas. Pelaksanaannya tidak hanya terpakai dalam prosiding yang dimulakan oleh kanak-kanak, seperti kes kanak-kanak menjadi mangsa penderaan atau jenayah seksual, tetapi juga terpakai bagi kes yang dimulakan oleh pihak lain, seperti kes perceraian, penjagaan anak dan keganasan rumah tangga.<sup>5</sup> Dengan kata lain, hak kanak-kanak untuk memberikan keterangan dalam prosiding perundangan, sama ada sebagai mangsa mahupun sebagai saksi, perlu diambil kira dan diiktiraf oleh sistem perundangan.

### **SAKSI KANAK-KANAK: LATAR BELAKANG UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

Selaras dengan peredaran zaman dan perkembangan arus semasa, persepsi negatif masyarakat terhadap keupayaan kanak-kanak memberikan keterangan terutamanya dalam perbicaraan formal di mahkamah telah berubah. Masyarakat mula mengiktiraf kemampuan dan kredibiliti kanak-kanak untuk memberikan keterangan dalam perbicaraan di mahkamah, dengan syarat, memenuhi segala kelayakan serta prinsip perundangan yang telah digariskan.

Apabila membicarakan tentang keterangan kanak-kanak, terdapat dua statut utama yang menyediakan peruntukan khusus kepada golongan ini, iaitu Undang-undang Keterangan 1950 dan Akta Keterangan Kanak-kanak 2007(AKSKK). Undang-undang Keterangan 1950 merupakan statut utama berkaitan undang-undang keterangan di Malaysia. Statut ini menyediakan peruntukan berkaitan makna keterangan, kerelevanan, pembuktian, bentuk keterangan, pengemukaan keterangan, kesannya dan sebagainya.

---

4 Artikel 12 CRC menyatakan:

*"1. States Parties shall assure to the child who is capable of forming his or her own views the right to express those views freely in all matters affecting the child, the views of the child being given due weight in accordance with the age and maturity of the child. "*

*2. For this purpose the child shall in particular be provided the opportunity to be heard in any judicial and administrative proceedings affecting the child, either directly, or through a representative or an appropriate body, in a manner consistent with the procedural rules of national law."*

5 General Comment No. 12 (2009) dlm. "The Right of the Child to be Heard by Committee on the Rights of the Child", United Nation.

Berkenaan dengan keterangan saksi kanak-kanak, statut ini menyediakan peruntukan khusus, iaitu di bawah seksyen 133A. Seksyen ini menggariskan prinsip tentang kelayakan seseorang kanak-kanak yang memberikan keterangan, jenis keterangan, syarat penerimaan serta kesan keterangan kanak-kanak.

Selain Akta Keterangan 1950, satu lagi statut utama yang menyediakan peruntukan khusus untuk saksi kanak-kanak ialah Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007. AKSKK, statut yang terpakai kepada setiap saksi kanak-kanak, mula diperkenalkan pada tahun 2007 sebagai respons terhadap tuntutan memperkasakan lagi undang-undang berkaitan dengan keterangan kanak-kanak.<sup>6</sup> Penggubalan AKSKK merupakan penambahbaikan kepada undang-undang sedia ada, sekali gus merupakan perkembangan positif ke arah mengiktiraf hak dan kemampuan kanak-kanak dalam memberikan keterangan. Kanak-kanak, disebabkan oleh kekurangan dari segi fitrah semula jadinya yang lemah berbanding dengan orang dewasa, perlu diberikan layanan dan kemudahan yang khusus semasa memberikan keterangan. Bertitik tolak daripada rasional ini, AKSKK memperkenalkan prosedur yang perlu diguna pakai ketika kanak-kanak dipanggil memberikan keterangan di mahkamah sebagai saksi. Akta ini bermatlamat membantu kanak-kanak memberikan keterangan dengan selesa dan tenang, sekali gus membantu mahkamah mencapai keputusan yang adil, telus dan saksama.

Antara prosedur khusus yang diwujudkan oleh AKSKK untuk saksi kanak-kanak adalah mewujudkan pengadang antara kanak-kanak dan tertuduh; membenarkan keterangan diberikan melalui siaran rangkaian langsung; membenarkan keterangan dalam rakaman video; membenarkan mahkamah melantik pengantara dalam membantu kanak-kanak memberikan keterangan dan sebagainya. Peruntukan ini bukan sahaja mampu memastikan proses pemberian keterangan berjalan dengan lancar malahan juga mengurangkan rasa takut, tekanan, trauma dan gelisah dalam kalangan saksi kanak-kanak semasa memberikan keterangan.

Namun demikian, masih terdapat beberapa kekaburan yang timbul berhubung dengan pemakaian akta ini. Pertamanya, berkenaan dengan had umur saksi kanak-kanak. Mengikut takrif, kanak-kanak didefinisikan sebagai golongan yang berumur 18 tahun dan ke bawah, sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Kanak-Kanak 2001(AKK).<sup>7</sup> Namun AKSKK telah

---

6 Akta ini yang telah diisytiharkan pada 30 Oktober 2007.

7 Seksyen 2 AKK.

membezakan definisi kanak-kanak dengan saksi kanak-kanak. AKSKK menyatakan bahawa saksi kanak-kanak yang layak mendapat keistimewaan di bawah akta ini ialah golongan kanak-kanak yang berumur bawah 16 tahun.<sup>8</sup>

Hal ini secara jelas menggambarkan bahawa undang-undang di Malaysia hanya mengiktiraf kanak-kanak bawah umur 16 tahun sahaja untuk mendapatkan kemudahan semasa memberikan keterangan di mahkamah. Bagi saksi kanak-kanak yang berumur lebih daripada 16 tahun pula mereka tidak layak mendapatkan keistimewaan dan kemudahan yang diperuntukkan di bawah AKSKK semasa memberikan keterangan, walaupun mereka masih lagi tergolong di bawah definisi kanak-kanak mengikut peruntukan AKK. Tidak dapat dipastikan rasional mengapa perlu ada perbezaan dalam pentafsiran kanak-kanak secara am dan tafsiran kanak-kanak sebagai saksi, sebagaimana yang terdapat dalam AKK dan AKSKK. Ketidakteraturan antara definisi “kanak-kanak” dengan “saksi kanak-kanak” juga dilihat sebagai menggambarkan seolah-olah undang-undang di Malaysia tidak konsisten dalam memberikan perlindungan dan pengiktirafan kepada kanak-kanak.

Satu lagi persoalan yang timbul ialah kedudukan kanak-kanak yang tertuduh dalam kes jenayah. Isu yang timbul ialah sekiranya kanak-kanak yang merupakan tertuduh memilih untuk memberikan keterangan, adakah kanak-kanak itu juga diberikan keistimewaan dan kemudahan seperti saksi kanak-kanak yang lain? Hal ini kerana seksyen 2 AKSKK mentakrifkan kanak-kanak sebagai seorang yang berumur bawah 16 tahun yang dipanggil menjadi saksi dan tidak termasuk kanak-kanak yang dituduh.<sup>9</sup> Dengan kata lain, adalah jelas AKSKK hanya terpakai kepada kanak-kanak yang dipanggil menjadi saksi sahaja tidak terpakai kepada kanak-kanak yang menjadi tertuduh. Persoalannya, mengapakah kanak-kanak tertuduh yang memilih memberikan keterangan setelah dipanggil membela diri dinafikan kemudahan yang diberikan kepada saksi kanak-kanak? Perkara ini dilihat seolah-olah mendiskriminasikan kanak-kanak tertuduh sekali gus menafikan haknya mendapat perlindungan yang saksama dan adil di sisi undang-undang.

---

8 Seksyen 2 Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak menyatakan “saksi kanak-kanak ertinya seseorang yang di bawah umur 16 tahun yang dipanggil atau dicadangkan untuk dipanggil untuk memberi keterangan dalam mana-mana prosiding tetapi tidak termasuk seorang tertuduh atau seorang kanak-kanak yang dipertuduhkan atas mana-mana kesalahan.”

9 Seksyen 2 AKSKK.

Namun secara keseluruhannya, pengenalan AKSKK merupakan penambahbaikan terhadap undang-undang berkaitan kanak-kanak sedia ada suatu perkembangan positif dan amat dialu-alukan di negara kita. Pengenalan undang-undang ini menzahirkan keprihatinan dan kepekaan kerajaan terhadap keperluan undang-undang khusus untuk saksi kanak-kanak, sekali gus mencerminkan komitmen berterusan kerajaan dalam menjamin hak dan perlindungan untuk golongan kanak-kanak.

Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna undang-undang berkenaan dengan keterangan kanak-kanak yang sedia ada sudah memadai dan komprehensif. Isu berkenaan sejauh mana keberkesanan undang-undang yang sedia ada dalam mengatasi permasalahan berhubung dengan keterangan kanak-kanak masih perlu diberikan perhatian dan penilaian dengan mengambil kira aspek tertentu.

## **KETERANGAN KANAK-KANAK: CABARAN DAN PERMASALAHAN**

Di Malaysia, kita dapat lihat bahawa pihak kerajaan begitu konsisten dalam melaksanakan kesemua tuntutan yang digariskan dalam CRC. Hasilnya, banyak perubahan yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan dan badan-badan berkaitan sama ada dalam bentuk penggubalan undang-undang, polisi, mekanisme serta kemudahan dalam usaha memastikan pematuhan kepada tuntutan CRC tersebut.

Dari sudut undang-undang berkaitan saksi kanak-kanak, pengenalan AKSKK dilihat sebagai memberikan impak yang begitu besar ke arah pengukuhan sistem perundangan yang sedia ada. Namun demikian, masih terdapat ruang yang perlu diambil perhatian bagi memantapkan lagi undang-undang sedia ada. Antara cabaran dan juga permasalahan berkaitan saksi kanak-kanak termasuklah:

1. Kelayakan memberikan keterangan.
2. Keterangan sokongan.
3. Keterangan dengar cakap.
4. Keterangan melalui video.
5. Pemeriksaan balas.
6. Pengecaman.
7. Kemudahan sokongan.

## 1. Kelayakan untuk Memberikan Keterangan

Secara asasnya undang-undang di Malaysia menetapkan hanya mereka yang berkelayakan dan berkemampuan sahaja layak untuk memberikan keterangan bersumpah di mahkamah. Berbanding dengan orang dewasa, terdapat perbezaan berkenaan kelayakan seseorang kanak-kanak dalam memberikan keterangan di Mahkamah.<sup>10</sup>

Tidak semua kanak-kanak layak memberikan keterangan. Sebelum seseorang kanak-kanak memberikan keterangan, mahkamah bertanggungjawab menentukan kompetensi dan kelayakannya untuk menjadi saksi. Keterangan kanak-kanak boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu:

### a. Keterangan bersumpah

Sekiranya mahkamah memutuskan kanak-kanak layak memberikan keterangan bersumpah, maka segala prosedur biasa yang terpakai kepada saksi dewasa akan terpakai kepada kanak-kanak tersebut.<sup>11</sup> Kanak-kanak diminta memberikan keterangan bersumpah dari kandang saksi dan keterangan tersebut boleh dicabar melalui proses pemeriksaan balas oleh pihak bertentangan. Secara prinsipnya, keterangan bersumpah kanak-kanak boleh berdiri sendiri dan tidak tertakluk pada keperluan keterangan sokongan.

### b. Keterangan tidak bersumpah

Sekiranya mahkamah memutuskan bahawa kanak-kanak hanya layak memberikan keterangan tidak bersumpah, maka peruntukan 133A akan terpakai kepada keterangan kanak-kanak tersebut. Seksyen

---

10 Seksyen 6 Akta Keterangan 1950 menyatakan “Semua orang berwibawa untuk memberikan keterangan melainkan jika mahkamah berpendapat bahawa mereka tidak boleh memahami soalan yang dikemukakan kepada mereka atau tidak dapat memberikan jawapan yang rasional kepada soalan itu oleh sebab umur terlalu muda, terlalu tua, penyakit, sama ada penyakit tubuh atau penyakit otak, atau oleh apa-apa sebab lain yang seumpamanya”.

11 Seksyen 133A menyatakan “Jika, dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang kerana apa-apa kesalahan, mana-mana kanak-kanak yang masih mentah yang dipanggil sebagai saksi tidak, pada pendapat mahkamah memahami apa sebenarnya sesuatu sumpah itu, keterangannya bolehlah diterima, walaupun diberikan dengan tidak mengangkat sumpah, jika pada pendapat mahkamah, dia mempunyai akal yang cukup bagi mewajarkan penerimaan keterangannya itu, dan dia faham tentang kewajipan bercakap benar; dan keterangannya, walaupun diberikan dengan tidak mengangkat sumpah, tetapi selainnya diambil dan diubah ke dalam bentuk bertulis menurut seksyen 269 Kanun Prosedur Jenayah [Akta 593] hendaklah disifatkan sebagai suatu deposisi mengikut pengertian seksyen itu.”

133A Akta Keterangan 1950 secara spesifik menyatakan bahawa keterangan tidak bersumpah kanak-kanak perlu disokong dengan keterangan yang lain (*corroboration*).

Adalah menjadi tugas mahkamah untuk menentukan sama ada seseorang kanak-kanak layak memberikan keterangan bersumpah, keterangan tidak bersumpah atau tidak layak langsung memberikan keterangan. Mahkamah wajib mengadakan siasatan awal bagi menentukan perkara ini.<sup>12</sup>

Siasatan dilakukan dengan menyoal kanak-kanak hal yang berkisar kefahaman tentang keterangan bersumpah, kewajipan bercakap benar semasa memberikan keterangan, kesan akibat tidak bercakap benar, peranan saksi dan sebagainya.<sup>13</sup>

Pada akhir siasatan mahkamah perlu membuat keputusan sama ada ingin membenarkan kanak-kanak memberikan keterangan atau sebaliknya. Sekiranya mahkamah mendapati bahawa kanak-kanak mempunyai kemampuan untuk memberikan keterangan bersumpah, maka kanak-kanak akan dibenarkan berbuat demikian daripada kandang saksi.

Sekiranya mahkamah mendapati bahawa kanak-kanak tidak layak untuk memberikan keterangan bersumpah, tetapi mempunyai “sufficient intelligent” untuk memahami kewajipan memberikan keterangan, maka mahkamah boleh membenarkan kanak-kanak tersebut memberikan keterangan yang tidak bersumpah. Harus diingat jika keterangan kanak-kanak dalam bentuk keterangan tidak bersumpah, mahkamah tidak

---

12 Mahkamah dalam kes *Tajudin bin Salleh v Public Prosecutor* [2008] 1 MLJ 397 hlm. 399 memutuskan “*there was a total failure on the part of the magistrates to comply with sections 118 and 133A thereby making the conviction in law unsafe. Such a failure could not be cured by section 422 of the Criminal Procedure Code There was a substantial miscarriage of justice as PW3’s competency was not established*”.

13 Dalam kes *Sidek bin Ludan v Public Prosecutor* [1995] 3 MLJ 178, Abdul Malik Ishak, J (pada masa tersebut) ada menerangkan garis panduan berkenaan prosedur yang perlu dipatuhi oleh mahkamah semasa siasatan seperti berikut:

*“The competency of any person (child witness included) to testify as a witness is a condition precedent to the administration to him of an oath or affirmation, and, clearly, it is a question distinct from that of his credibility when he has been sworn or affirmed. In determining the question of competency, the court acting under s 118 of the Act, is entitled to test the capacity of a witness by putting proper questions. The court has to ascertain the intellectual capacity and understanding of the witness (child witness included) to give a rational account of what he has seen or heard or done on a particular occasion”*



boleh mensabitkan seseorang tertuduh kecuali terdapat keterangan sokongan.<sup>14</sup>

Yang dapat dirumuskan daripada perbincangan di atas ialah undang-undang di Malaysia masih lagi menekankan syarat kompetensi sebelum seseorang kanak-kanak layak memberikan keterangan di mahkamah. Mahkamah perlu menjalankan siasatan awal dalam menentukan sama ada ingin membenarkan kanak-kanak memberikan keterangan bersumpah, keterangan tidak bersumpah atau pun langsung tidak membenarkan kanak-kanak memberikan keterangan.

Syarat yang membezakan pemberian keterangan oleh kanak-kanak berbanding dengan orang dewasa, iaitu meletakkan kompetensi dalam penentuan sama ada kanak-kanak layak memberikan keterangan atau tidak, dilihat sebagai tidak adil kepada kanak-kanak.<sup>15</sup> Bersesuaian dengan peredaran zaman, peruntukan undang-undang berhubung dengan kemampuan kanak-kanak memberikan keterangan seharusnya bersifat lebih terbuka, telus dan saksama.

Sebagai perbandingan, undang-undang berkenaan kelayakan memberikan keterangan di bawah undang-undang di negara lain sedikit berbeza. Contohnya, undang-undang di United Kingdom memperuntukkan semua kanak-kanak layak memberikan keterangan di mahkamah tanpa dibatasi had umur.<sup>16</sup> Walau bagaimanapun, hanya kanak-kanak yang berumur 14 tahun dan ke atas sahaja layak memberikan keterangan bersumpah di mahkamah, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Youth Justice and Criminal Evidence Act 1999.<sup>17</sup>

---

14 Hal ini ada dinyatakan di dalam proviso kepada Seksyen 133A Akta Keterangan 1952 yang menyatakan "...Dengan syarat bahawa, jika keterangan yang diterima menurut kuasa seksyen ini diberikan bagi pihak pendakwaan, tertuduh itu tidak boleh disabitkan atas kesalahan itu melainkan jika keterangan itu disokong dengan keterangan material lain yang menyokong keterangan tersebut dan melibatkannya."

15 Dalam kes *R Iwn W* [2010] UKSC 2 Mahkamah Agung di United Kingdom, memutuskan bahawa keputusan mahkamah bawahan menolak permohonan bagi kanak-kanak memberikan keterangan adalah bertentangan dengan Artikel 6 Convention European Convention on Human Right (ECHR).

16 Seksyen 53(1) Youth Justice and Criminal Evidence Act 1999.

17 Seksyen 55(2)(a) Youth Justice and Criminal Evidence Act 1999.

Hal ini menggambarkan keterbukaan undang-undang di United Kingdom berbanding dengan undang-undang di Malaysia berhubung dengan syarat penerimaan keterangan kanak-kanak.

Seterusnya, berlandaskan perbincangan di atas, adalah jelas bahawa undang-undang yang ada juga membezakan keterangan kanak-kanak antara keterangan bersumpah dengan keterangan tidak bersumpah, bergantung pada penilaian hakim terhadap tahap kemampuan kanak-kanak dari segi mental dan fizikal. Bersesuaian dengan era semasa, perkembangan minda dan pemikiran kanak-kanak yang berlaku dengan cepat kesan daripada persekitaran moden, maka diharapkan para hakim dapat membuat penilaian yang objektif dan mengambil pendekatan yang lebih terbuka serta telus dalam memutuskan kemampuan kanak-kanak memberikan keterangan sama ada bersumpah atau tidak bersumpah.

## 2. Keterangan Sokongan

Secara amnya, prinsip asas undang-undang sedia ada begitu menekankan keperluan keterangan sokongan (*corroboration*) kepada keterangan kanak-kanak. Hal ini berasaskan kebarangkalian bahawa kanak-kanak, disebabkan faktor umur dan kekurangan dari segi kematangan, mungkin terkeliru dan tidak dapat membezakan antara fakta yang benar dan yang fantasi.<sup>18</sup> Oleh yang demikian, keterangan sokongan diperlukan bagi menguatkan lagi keterangan kanak-kanak di mahkamah.

Keterangan sokongan ini sama ada dalam bentuk keterangan lisan saksi lain, laporan perubatan, keterangan keadaan (*circumstantial evidence*) dan sebagainya. Keterangan sokongan tersebut hendaklah keterangan berasingan yang mampu menjelaskan dan mengesahkan hubungan kait antara tertuduh dan jenayah yang dilakukannya.<sup>19</sup>

---

19 Mahkamah dalam *R v Baskerville* [1916] 2 KB 658, menerangkan maksud keterangan sokongan seperti berikut; “*independent evidence which affects the accused by connecting or tending to connect him with the crime. In other words, it must be evidence which implicates him, that is which confirms in some material particular not only the evidence that the crime has been committed, but also the prisoner (accused) has committed it.*”

18 Mahkamah Persekutuan dalam kes *Din v Public Prosecutor* [1964] MLJ 300 FC memutuskan “*... We must not forget that we are here dealing with the evidence of a child of tender years who is involved in an allegation of rape where even if she is an adult requires corroboration because a woman has a temptation to exaggerate an act of sexual connection, and for a child of tender years for his or her known aptitude to confuse fact with fantasy - see Din v PP [1964] MLJ 300.*”

Mengikut undang-undang di Malaysia, keperluan keterangan sokongan keterangan kanak-kanak bergantung pada sama ada keterangan kanak-kanak tersebut keterangan bersumpah atau sebaliknya. Jika sekiranya kanak-kanak memberikan keterangan bersumpah, mahkamah boleh mensabitkan tertuduh berasaskan keterangan bersumpah kanak-kanak, meskipun tanpa keterangan sokongan.

Dengan kata lain, jika mahkamah meyakini kredibiliti seseorang kanak-kanak dan kekuatan nilai keterangan yang diberikan secara bersumpah, mahkamah boleh membuat keputusan berasaskan keterangan saksi kanak-kanak itu, tanpa memerlukan keterangan sokongan. Namun hakim hendaklah mengingatkan dirinya dan menyedari akan bahaya mensabitkan tertuduh berasaskan keterangan bersumpah kanak-kanak yang tidak disokong oleh mana-mana keterangan sokongan, sebelum mensabitkan tertuduh terbabit.<sup>20</sup>

Jika kanak-kanak memberikan keterangan tidak bersumpah, hakim yang mengendalikan kes tidak boleh mensabitkan tertuduh berasaskan keterangan tidak bersumpah kanak-kanak semata-mata, kecuali disokong dengan keterangan sokongan.<sup>21</sup> Dengan kata lain, keterangan sokongan merupakan satu keperluan yang mandatori dalam kes kanak-kanak memberikan keterangan tidak bersumpah sekiranya mahkamah ingin mensabitkan orang yang kena tuduh. Hal ini jelas dinyatakan dalam seksyen 133A Akta Keterangan 1950. Sekiranya tiada keterangan sokongan kepada keterangan, maka mahkamah tiada pilihan melainkan membebaskan tertuduh.

---

20 Mahkamah dalam kes *Loo Chuan Huat v Public Prosecutor*[1971] 2 MLJ 167 pada muka surat 170 memutuskan; "... though the evidence of P.W. 4 was sworn evidence, he was nevertheless a young person and in our opinion the jury should have been warned of the risk of accepting his evidence. As Lord Goddard C.J. in *Reg v Campbell* [1956] 2 QB 432, 438 said: "... The sworn evidence of a child need not as a matter of law be corroborated, but a jury should be warned not that they must find corroboration, but that there is a risk in acting on the uncorroborated evidence of young boys or girls, though they may do so if convinced that the witness is telling the truth, and this warning should also be given where a young boy or girl is called to corroborate the evidence either of another child, sworn or unsworn, or of an adult."

21 Mahkamah dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Noor Abdullah* [1992] 1 CLJ 702 pada halaman 702 hingga 703 memutuskan; "... in so far as the case deals with the unsworn evidence of a child, the matter is overtaken by section 133A of the Evidence Act 1950 where there is now a requirement in law that the unsworn evidence of any child of tender years has to be corroborated by some other material particular in support implicating an accused before he can be convicted."

Prinsip undang-undang yang ada jelas mengenakan syarat yang ketat dalam penerimaan keterangan tidak bersumpah kanak-kanak. Penetapan keperluan kepada keterangan sokongan dalam keterangan tidak bersumpah kanak-kanak dilihat satu diskriminasi kepada hak kanak-kanak, sekali gus bertentangan dengan CRC yang melarang sebarang bentuk diskriminasi dan penafian hak kepada kanak-kanak.

Sebagai perbandingan, undang-undang di United Kingdom berkaitan isu ini telah pun dipinda. Criminal Justice Act 1988 telah memansuhkan keperluan mandatori undang-undang sokongan bagi menyokong keterangan kanak-kanak dalam mensabitkan tertuduh.<sup>22</sup> Dengan kata lain, mahkamah boleh mensabitkan tertuduh berasaskan keterangan kanak-kanak, sama ada secara bersumpah atau tidak bersumpah sekiranya mahkamah berpuas hati terhadap kredibiliti dan kekuatan nilai keterangan itu, meskipun tanpa keterangan sokongan.

Oleh itu, peruntukan 133A Akta Keterangan 1950 perlu dinilai kembali. Peruntukan ini meskipun mempunyai asas yang tersendiri, dilihat tidak adil kepada saksi kanak-kanak. Syarat yang mewajibkan keterangan tidak bersumpah kanak-kanak mesti disokong dengan keterangan sokongan juga boleh memberikan kesan kepada proses keadilan, sekiranya saksi yang ada hanyalah kanak-kanak yang memberikan keterangan tidak bersumpah tanpa disokong oleh keterangan yang lain. Dalam situasi tersebut, mahkamah tidak boleh mensabitkan tertuduh atas alasan tiadanya keterangan sokongan, meskipun mahkamah mempercayai keterangan yang diberikan oleh kanak-kanak terbabit.

Sepatutnya, kebebasan perlu diberikan kepada hakim untuk menilai kekuatan serta kebolehpercayaan keterangan tidak bersumpah kanak-kanak tersebut dan membuat keputusan sewajarnya. Dengan kata lain, faktor seseorang kanak-kanak hanya layak memberikan keterangan tidak bersumpah perlu dihadkan sebagai sekadar memberikan kesan kepada kebolehpercayaan dan nilai keterangan kanak-kanak, dan bukannya menjadi penghalang kepada mahkamah untuk menerima pakai dan bertindak berdasarkan keterangan kanak-kanak.

### 3. Keterangan Dengar Cakap

Keterangan dengar cakap merupakan salah satu prinsip di bawah undang-undang keterangan *Common Law*. Keterangan dengar cakap bermaksud

---

22 Seksyen 34 Criminal Justice Act 1988.

keterangan seseorang sama ada dalam bentuk fakta atau pendapat yang dibuat di luar mahkamah.<sup>23</sup> Secara prinsipnya, keterangan dengar cakap tidak boleh diterima pakai sebagai keterangan oleh mahkamah. Hal ini berasaskan alasan bahawa keterangan itu ialah keterangan secara tidak langsung, tidak dibuat secara bersumpah dan juga tidak dicabar kredibilitinya melalui proses pemeriksaan balas.<sup>24</sup>

Berhubung dengan keterangan kanak-kanak, prinsip undang-undang di negara ini menetapkan bahawa keterangan mereka di luar mahkamah tidak boleh diterima sebagai keterangan kecuali kanak-kanak tersebut hadir di mahkamah bagi tujuan pemeriksaan balas.<sup>25</sup> Sekiranya kanak-kanak tidak dapat hadir di mahkamah maka keterangan kanak-kanak sama ada dalam bentuk rakaman percakapan secara bertulis, nota, lakaran rakaman audio dan sebagainya tidak boleh diterima pakai sebagai keterangan oleh mahkamah, atas alasan dikira keterangan dengar cakap.

Sebagai contoh, seorang kanak-kanak perempuan telah dicabul oleh jirannya. Kanak-kanak tersebut kemudiannya memberitahu perkara tersebut kepada pihak ketiga sama ada ibunya, bapanya, atau kakaknya. Keterangan daripada pihak ketiga berkenaan apa-apa yang diceritakan kanak-kanak tersebut tidak boleh diterima kerana dikira keterangan dengar cakap.

Keterangan tersebut hanya boleh diterima pakai sebagai keterangan jika kanak-kanak tersebut hadir di mahkamah untuk disoal balas ataupun sekiranya pihak ketiga berjaya memenuhi mana-mana syarat pengecualian kepada prinsip keterangan dengar cakap sebagaimana yang terdapat di bawah seksyen 32 Akta Keterangan 1950. Pemakaian prinsip undang-undang yang ketat berhubung dengan keterangan dengar cakap telah menimbulkan kesukaran dalam pembuktian kes, terutamanya dalam kes jenayah seksual yang melibatkan mangsa kanak-kanak.

Perkara ini telah mencetuskan gesaan dan saranan daripada pengamal undang-undang yang mencadangkan agar undang-undang berkaitan

---

23 Subramaniam v PP [1965] 1 WLR 965.

24 Augustine Paul, 2000. *Evidence Practice and Procedure*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: MLJ Sdn Bhd, hlm.523

25 Mahkamah dalam kes *Teper v R* [1952] AC 480 menjelaskan “ *The rule against the admission of hearsay evidence is fundamental. It is not the best evidence, and it is not delivered on oath. The truthfulness and accuracy of the person whose words are spoken by another witness cannot be tested by cross-examination and the light which his demeanour would throw on his testimony is lost*”.

keterangan dengar cakap, khususnya dalam kes yang melibatkan kanak-kanak, perlu diberikan kelonggaran tertentu bagi mengelak keterangan yang penting diketepikan.<sup>26</sup> Dalam kes tertentu, keterangan dengar cakap mungkin satu-satunya keterangan yang kukuh yang ada terutamanya jika kanak-kanak tidak dapat atau diputuskan tidak layak untuk memberikan keterangan di mahkamah.<sup>27</sup>

Jika dirujuk kepada undang-undang di negara lain, terdapat banyak pengecualian dibuat dalam undang-undang mereka bagi membenarkan undang-undang dengar cakap diterima pakai di mahkamah. Undang-undang United Kingdom umpamanya, melalui pindaan kepada Criminal Justice Act 2003, telah membuat perubahan yang besar kepada undang-undang dengar cakap. Hal ini sekali gus membenarkan pelbagai pengecualian kepada keterangan dengar cakap ruang untuk penerimaannya.<sup>28</sup> Pindaan ini juga memberikan budi bicara yang luas kepada hakim untuk menerima keterangan dengar cakap sekiranya difikirkan perlu atas dasar “kepentingan keadilan”, setelah mengambil kira faktor yang berkaitan.<sup>29</sup>

Sebagai contoh, mahkamah dalam kes *R lwn C [2010] EWCA Crim 72(CA Crim Div)* memutuskan bahawa keputusan hakim untuk menggunakan budi bicaranya dalam menerima keterangan dengar cakap daripada penjaga angkat kanak-kanak dalam kes pencabulan tanpa memanggil mangsa kanak-kanak hadir ke mahkamah memberikan keterangan adalah betul dan dibenarkan di bawah seksyen 114(2)(d) Criminal Justice Act 2003, atas alasan kepentingan keadilan. Oleh yang demikian, telah tiba masa untuk negara kita menilai kembali

---

26 Abu Bakar Munir, 1993. *The Exceptions to the Hearsay Rule in Child Abuse Cases*. xix, Mohd Akram, “Evidence Of Children In Child Abuse Cases In Malaysia: A Plea For Reform” 3 *Current Law Journal* liii, 1996.

27 Australian Law Reform Commission and Human Right and Equal Opportunity Commission Report, 1997, Priority for Children in the Legal Process (ALRC) 84, para 14.78 menyatakan; “*Hearsay evidence may be particularly important in cases involving child complaints. Many allegations of criminal acts against children are not prosecuted or do not proceed because the child is presumed incompetent to give evidence or does not understand the duty to tell the truth in court, or because the trauma of testifying at trial prevents the child from giving evidence satisfactorily or at all. The ability to introduce the hearsay statements of the child, in addition to or instead of the evidence of the child, might address the issue.*”

28 Seksyen 114-136 Criminal Justice Act 2003.

29 David Ormerod, “Hearsay: Hearsay Evidence - Whether To Be Admitted Where Primary Witness Available” - Criminal Justice Act 2003 Ss.114(1)(D), 116, *Criminal Law Review*, 11, 58-861, 2010.

undang-undang berkaitan keterangan dengar cakap, agar lebih sesuai dengan kehendak dan keperluan semasa. Adalah tidak praktikal dan janggal untuk kita terus mempertahankan prinsip undang-undang *Common Law* tanpa sebarang pembaharuan sedangkan negara asal undang-undang itu telah pun mereformasikan undang-undang mereka selari dengan peredaran zaman.

#### 4. Keterangan melalui Video

Bagi membantu kanak-kanak memberikan keterangan dengan lebih berkesan terdapat cadangan yang mengutarakan agar keterangan kanak-kanak sama ada pada peringkat pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula dilakukan secara lebih awal dalam bentuk keterangan video. Berkaitan dengan isu ini, AKSCK memperuntukkan keterangan kanak-kanak dalam bentuk rakaman video yang diambil sebelum perbicaraan boleh dikemukakan kepada mahkamah, tertakluk kepada Akta Keterangan 1950.<sup>30</sup> Rakaman tersebut boleh dikemukakan kepada mahkamah dan dianggap sebagai pemeriksaan utama.<sup>31</sup> Kanak-kanak tersebut perlu dipanggil oleh pihak yang ingin mengemukakan keterangan video untuk memberikan keterangan berkenaan apa-apa yang diperkatakan dalam keterangan video dan apa-apa maklumat dan penjelasan lanjut yang berkaitan.<sup>32</sup>

Dengan kata lain, kanak-kanak masih perlu hadir ke mahkamah meskipun telah memberikan keterangan melalui video kerana keterangan tersebut hanya diterima sebagai pemeriksaan utama sahaja. Sekiranya pihak yang mengemukakannya mahu keterangan kanak-kanak tersebut diterima pakai oleh mahkamah sebagai keterangan bersumpah, maka pihak yang bertentangan perlu diberikan peluang untuk menyoal balas saksi kanak-kanak terlebih dahulu.

Peruntukan terbaharu AKSCK kini merupakan satu perkembangan yang amat positif dalam undang-undang berkaitan keterangan kanak-

---

30 Seksyen 6 AKSCK.

31 Seksyen 6(1) AKSCK memperuntukkan “Jika suatu rakaman video saksi kanak-kanak diberikan dalam keterangan, rakaman video itu hendaklah diterima sebagai keterangan pemeriksaan utama saksi kanak-kanak itu: Dengan syarat bahawa kandungan rakaman video itu hendaklah tertakluk kepada Akta Keterangan 1950 [Akta 56].

32 Seksyen 4 AKSCK memperuntukkan “Seorang saksi kanak-kanak, semasa memberi keterangan di dalam mahkamah, boleh dihalang dengan cara suatu pengadang atau perkiraan lain daripada melihat dan dilihat oleh tertuduh atau kanak-kanak yang dipertuduh atas mana-mana kesalahan.”

kanak. Dengan adanya peruntukan spesifik yang membenarkan keterangan kanak-kanak secara rakaman video diterima pakai di mahkamah, memberikan peluang kepada pihak pendakwa untuk menunjukkan kepada mahkamah keterangan yang diambil daripada kanak-kanak sejeurus selepas kejadian ketika ingatan dan memori kanak-kanak masih segar dan mampu mengingati kejadian dengan jelas dan tepat. Jika keterangan kanak-kanak hanya boleh didengar semasa perbincangan berlaku, mahkamah mungkin tidak berpeluang mendengar keterangan kanak-kanak berkenaan kejadian dengan terperinci dan tepat. Hal ini kerana jarak tempoh antara perbincangan kes dan masa kejadian berlaku mungkin lama, memakan masa berbulan-bulan atau pun bertahun. Jika keadaan ini berlaku, kanak-kanak mungkin tidak lagi dapat mengingati dan memberikan keterangan berkenaan kejadian dengan lancar, jelas dan tepat kerana ingatannya berkenaan kejadian telah lupalu.

Namun dari sudut yang lain membenarkan keterangan melalui rakaman video juga mempunyai beberapa kelemahan. Kanak-kanak perlu hadir di mahkamah sebelum keterangan melalui video boleh diterima pakai sebagai keterangan. Dengan kata lain, kanak-kanak masih lagi terpaksa melalui proses pemeriksaan balas oleh pihak bertentangan. Kanak-kanak juga perlu berhadapan dengan asakan soalan yang bukan sahaja boleh mengelirukan kanak-kanak tetapi juga berkemungkinan menyebabkan kanak-kanak mengalami trauma.

Bagi memastikan proses rakaman percakapan kanak-kanak dapat dilakukan dengan sebaik-baiknya, satu mekanisme khusus yang menepati piawaian tertentu perlu diwujudkan. Pada masa sekarang Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah pun mempunyai unit khas yang berfungsi mengendalikan kes berkaitan kanak-kanak. Selain itu, PDRM juga memperkenalkan bilik khas dinamakan “bilik triaj”, yang berfungsi bagi kegunaan pengadu untuk kes sensitif seperti kanak-kanak, golongan OKU dan wanita hamil. PDRM baru-baru ini mengumumkan untuk memperluas penggunaan bilik triaj dengan membina 35 lagi bilik khas tersebut di seluruh negara yang akan dikendalikan oleh pegawai penyiasat yang terlatih serta kakitangan awam bagi membantu mangsa kes sensitif dalam proses membuat laporan polis.<sup>33</sup> Langkah penambahbaikan yang diambil oleh PDRM ini wajar dipuji dan dihargai. Namun masih ada ruang yang boleh diperbaiki bagi memaksimumkan keberkesanan proses penyiasatan kes kanak-kanak oleh PDRM.

---

33 <file:///H:/child%20abuse/bilik%20traj-keratan%20akahbar%20utusan.htm> (22 /9/2011).



Garis panduan berkaitan dengan prosedur merekodkan keterangan kanak-kanak disarankan diperkemas dan dipertingkatkan lagi dengan mengambil kira perkembangan terkini berkaitan dengan prinsip undang-undang keterangan. Perkara ini penting bagi memastikan keterangan yang dirakamkan dalam bentuk video daripada kanak-kanak dapat dikemukakan kepada mahkamah dengan menepati prinsip perundangan, sekali gus mengelakkan keterangan tersebut daripada ditolak atas alasan teknikal.

## 5. Pemeriksaan Balas

Sistem perundangan boleh dikategorikan kepada dua sistem, iaitu adversarial dan penyiasatan (*inquisitorial*).<sup>34</sup> Sebagaimana yang kita ketahui sistem perundangan negara kita mengamalkan sistem adversarial yang diwarisi dari undang-undang *Common Law*. Di bawah sistem adversarial, hakim hanya memainkan peranan yang pasif, sebagai pengadil yang mengadili kedua-dua pihak yang bertentangan. Pihak yang bertentangan diberikan kebebasan dalam menentukan aliran perjalanan percabaran, saksi yang akan panggil, keterangan yang perlu dikemukakan, soal balas saksi dan sebagainya.<sup>35</sup> Hal ini berbeza dengan sistem penyiasatan (*inquisitorial*), iaitu hakim memainkan peranan yang aktif dan dominan, dengan menentukan siapa saksi yang perlu dipanggil, apa keterangan yang perlu dikemukakan, siapa perlu menjadi saksi, apa soalan yang ingin disoal dan sebagainya.

Salah satu ciri utama sistem percabaran adversarial ialah setiap saksi akan melalui proses soal balas oleh pihak peguam dan pendakwa semasa percabaran.<sup>36</sup> Hak menyoal balas saksi merupakan hak utama yang penting dalam setiap percabaran.<sup>37</sup> Tujuan sesi soal balas ini adalah untuk memberikan peluang kepada kedua-dua pihak mengemukakan dan mencabar kesahihan keterangan yang dikemukakan saksi.<sup>38</sup> Bagi pihak tertuduh dalam kes jenayah, tugas menyoal balas saksi dilakukan oleh peguam yang dilantik oleh tertuduh.

---

34 Van Koppen, P.J., & Penrod, S.D., 2003, *Adversarial or Inquisitorial: Comparing systems in P.J. van Kppen & S.D. Penrod (eds.), Adversarial versus inquisitorial justice*. New York: Springer

35 *Jones v National Coal Board* [1957] 2 *QB* 55.

36 Seksyen 137 Akta Keterangan 1950.

37 Ian Dennis, "The Right To Confront Witnesses: Meanings, Myths and Human Rights" dlm. *Criminal Law Review* 4:255-74, 2010.

38 *PP v Wong Yee Sen & Ors* [1990] 1 *MLJ*, 187.

Berkenaan dengan pemeriksaan balas terhadap saksi kanak-kanak, antara isu utama yang timbul adalah berkaitan dengan pemeriksaan balas oleh peguam terhadap saksi kanak-kanak. Pemeriksaan balas yang bertalu-talu oleh peguam, diasak dengan soalan yang kadangkala mengelirukan, disertai dengan gaya dan nada peguam yang kadangkala keras dan mendesak dan ditambah lagi dengan persekitaran di dalam mahkamah yang begitu formal, bukan sahaja boleh menimbulkan suasana yang tidak selesa kepada kanak-kanak, malahan boleh menimbulkan ketegangan kepada kanak-kanak. Hal ini boleh menjejaskan fokus dan konsentrasi kanak-kanak. Kesannya, ada kebarangkalian kanak-kanak tidak dapat menjawab dengan tepat, tidak dapat mengingati fakta ataupun tidak mampu langsung menjawab pertanyaan semasa proses pemeriksaan balas, akibat perasaan yang tidak selesa, takut, resah dan keliru. Pengalaman yang sedemikian bukan sahaja boleh menjadi pengalaman yang perit malahan juga meninggalkan trauma yang teruk kepada kanak-kanak.

Merujuk undang-undang di Malaysia, AKSKK ada menyediakan peruntukan yang membenarkan proses pemeriksaan utama saksi kanak-kanak dilakukan lebih awal dalam bentuk rakaman video,<sup>39</sup> tertakluk pada Akta Keterangan 1950. Keterangan tersebut boleh diterima sebagai keterangan dengan syarat saksi kanak-kanak perlu hadir ke mahkamah.<sup>40</sup> Tidak ada peruntukan yang selanjutnya sama ada proses pemeriksaan balas boleh dilakukan secara rakaman video atau sebaliknya. Hal ini menggambarkan bahawa saksi kanak-kanak masih lagi perlu hadir bagi menjalani proses pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula di mahkamah sebelum keterangan tersebut boleh diterima pakai oleh mahkamah. Namun demikian, seksyen 6 AKSKK membenarkan keterangan kanak-kanak diberikan melalui rangkaian langsung dalam bilik berasingan. Oleh yang demikian, mahkamah boleh menggunakan peruntukan ini untuk mengarahkan sesi pemeriksaan semula dan dijalankan melalui rangkaian langsung dari bilik berasingan. Kaedah ini sekurang-kurangnya mampu mengurangkan tekanan dan kegugupan kanak-kanak semasa menjawab soalan dalam sesi pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula.

Sebagai perbandingan, undang-undang di United Kingdom membenarkan bukan sahaja proses pemeriksaan utama direkodkan dalam bentuk rakaman video, malahan merangkumi proses pemeriksaan balas

---

39 Seksyen 6.

40 Seksyen 6(1).

dan pemeriksaan semula. Akta Youth Justice and Criminal Evidence 1999 memberikan budi bicara kepada mahkamah untuk membenarkan proses pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula dilakukan dalam bentuk rakaman video sekiranya mahkamah berpendapat ada keperluan untuk berbuat demikian.<sup>41</sup> Ini bermakna proses pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula dilakukan melalui rakaman video dan kanak-kanak tidak perlu memberikan keterangan secara langsung.<sup>42</sup>

Mekanisme ini jika dilihat sebagai cara yang paling berkesan untuk mengatasi masalah kesukaran, tekanan dan trauma yang akan dihadapi oleh saksi kanak-kanak jika proses pemeriksaan balas dijalankan secara langsung. AKSKK dicadangkan diwujudkan peruntukan yang sama seperti dalam Akta Youth Justice and Criminal Evidence 1999 bagi membolehkan hakim menggunakan budi bicaranya untuk membenarkan bukan sahaja proses pemeriksaan balas tetapi juga proses pemeriksaan semula dilakukan dalam bentuk rakaman video, bergantung pada keperluan kes.

Alternatifnya, masalah ini juga dapat mungkin dapat dibendung melalui peranan berkesan hakim yang mengendalikan perbicaraan yang melibatkan saksi kanak-kanak. Pendekatan yang lebih mirip kepada elemen dalam sistem penyiasatan (*inquisitorial*), iaitu hakim memainkan peranan yang lebih aktif perlu diguna pakai apabila mengendalikan sesi soal balas yang melibatkan saksi kanak-kanak. Hakim hendaklah mampu mengawal perjalanan prosiding dengan memastikan bahawa proses pemeriksaan saksi kanak-kanak berjalan dalam suasana yang tenang dan lancar. Hakim juga perlu memastikan hanya soalan yang berkaitan dan relevan sahaja disoal kepada saksi kanak-kanak dan harus bijak menggunakan budi bicara untuk mencelah sekiranya soalan yang ditanya tidak relevan.<sup>43</sup> Sekiranya perlu, budi bicara hakim juga boleh digunakan untuk membantu kanak-kanak dalam memahami soalan yang dikemukakan bagi membolehkannya memberikan jawapan dengan lancar dan tepat dengan kehendak soalan. Perkara ini akan dapat dilakukan sekiranya hakim yang mengendalikan kes melibatkan saksi kanak-kanak merupakan hakim yang berpengalaman luas dan mahir dalam pengendalian perbicaraan.

---

41 Seksyen 28, Youth Justice and Criminal Evidence Act 1999.

42 J.R Spencer, "Children's Evidence; The Barker Case and the Cased for Pigot" dlm. *Archbold Review* 3, 5-8, 2010.

43 Seksyen 148 Akta Keterangan 1950.

## 6. Pencegaman

Dalam perbicaraan jenayah, adalah menjadi satu prosedur yang biasa, saksi diminta untuk membuat pencegaman kepada tertuduh. Sebagai contoh, dalam perbicaraan jenayah seksual, pihak pendakwaan biasanya akan meminta mangsa yang menjadi saksi membuat pencegaman terhadap tertuduh dengan bertanyakan soalan sama ada tertuduh yang dimaksudkan berada di dalam mahkamah atau tidak. Sekiranya saksi dapat mengenal pasti tertuduh yang melakukan kekerasan jenayah terhadapnya mangsa akan membuat pencegaman yang positif dengan mengatakan bahawa tertuduh tersebut ada di dalam mahkamah, iaitu di dalam kandang tertuduh.

Berkenaan dengan saksi kanak-kanak, peruntukan dalam AKSKK dengan jelas menyatakan bahawa skrin pengadang perlu diwujudkan antara saksi kanak-kanak dengan tertuduh, bagi menghalang saksi kanak-kanak daripada melihat tertuduh.<sup>44</sup> Hal ini bertujuan untuk mengelakkan saksi kanak-kanak tersebut berasa gerun, takut, tidak selesa dan sebagainya sekiranya mereka perlu berdepan dengan tertuduh semasa memberikan keterangan. Namun berkenaan dengan pencegaman saksi, tidak ada peruntukan dalam AKSKK yang menerangkan dan membincangkan prosedur khusus tentang perkara ini.

Bagi mengelakkan rasa takut, trauma atau gementar pada kanak-kanak, dicadangkan perincian berkenaan cara pencegaman tertuduh oleh mangsa kanak-kanak yang menjadi saksi perlu diperjelas. Pencegaman tidak seharusnya dilakukan secara terus, iaitu secara berhadapan di dalam mahkamah antara saksi kanak-kanak dengan tertuduh. Terdapat beberapa kaedah yang boleh digunakan bagi membolehkan pencegaman dilakukan tanpa kanak-kanak perlu bersemuka secara terus dengan tertuduh, antaranya:

- a) Dengan meminta kanak-kanak membuat pencegaman melalui siaran video secara langsung.
- b) Jika saksi kanak-kanak dan tertuduh merupakan ahli keluarga, sanak saudara, kenalan rapat, maka ahli keluarga yang mengenali kedua-dua mereka boleh dipanggil untuk membantu membuat pencegaman

---

44 Seksyen 4(1) AKSK menyatakan “Seorang saksi kanak-kanak, semasa memberi keterangan di dalam Mahkamah, boleh dihalang dengan cara suatu pengadang atau perkiraan lain daripada melihat dan dilihat oleh tertuduh atau kanak-kanak yang dipertuduh atas mana-mana kesalahan.”

bagi pihak saksi kanak-kanak. Contohnya, jika mangsa dalam kes rogol merupakan saksi kanak-kanak dan dia diminta untuk membuat pengecaman terhadap tertuduh yang merupakan abang atau bapa kepada mangsa, maka ahli keluarga yang mengenali kedua-dua mereka, iaitu ibu atau kakak kanak-kanak boleh dipanggil untuk membantu proses pengecaman.

- c) Jika wujud situasi dalam kes apabila mahkamah menganggap pengecaman secara siaran video langsung tidak memadai serta memerlukan juga saksi kanak-kanak membuat pengecaman terhadap tertuduh, maka perlu dilakukan pada akhir perbicaraan, iaitu setelah selepas proses pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan juga pemeriksaan semula.

Kaedah yang dinyatakan di atas perlu dipertimbangkan untuk diguna pakai bagi tujuan pengecaman oleh kanak-kanak terhadap tertuduh semasa proses perbicaraan.<sup>45</sup>

## 7. Kemudahan Sistem Sokongan

AKSKK telah memperincikan prosedur khusus yang terpakai kepada kanak-kanak semasa memberikan keterangan. Peruntukan yang diwujudkan dalam AKSKK ini merupakan satu perkembangan yang amat positif dalam usaha memartabatkan dan mengiktiraf hak kanak-kanak, selaras dengan komitmen tidak berbelah bahagi negara dalam memenuhi tuntutan CRC. Antara peruntukan AKSKK yang menyediakan prosedur khusus untuk saksi kanak-kanak ialah mewujudkan pengadang antara kanak-kanak dengan tertuduh,<sup>46</sup> membenarkan keterangan diberikan melalui siaran rangkaian langsung,<sup>47</sup> membenarkan keterangan dalam rakaman video,<sup>48</sup> membenarkan mahkamah melantik pengantara dalam membantu kanak-kanak memberikan keterangan,<sup>49</sup> membenarkan orang dewasa menemani saksi kanak-kanak semasa perbicaraan,<sup>50</sup>

---

45 Queensland Law Reform Commission, 1998. *The Receipt of Evidence by Queensland Courts: The Evidence Of Children*, Discussion Paper, WP No 53.

46 Seksyen 4.

47 Seksyen 5.

48 Seksyen 6.

49 Seksyen 8.

50 Seksyen 9.

mengetepikan keperluan berkaitan pakaian rasmi di mahkamah<sup>51</sup> dan sebagainya.

Dalam usaha memastikan peruntukan AKSKK dapat dimanfaatkan dengan berkesan, tumpuan harus diberikan pada kemudahan dan kemampuan mahkamah dalam melaksanakan matlamat ini.<sup>52</sup> Sebagai contoh, setiap kompleks mahkamah perlu dipastikan mempunyai kemudahan skrin pengadang, sistem untuk siaran video secara langsung, sistem audio dan sebagainya. Seterusnya, bilik menunggu khas untuk saksi kanak-kanak yang berasingan daripada bilik menunggu saksi dewasa perlu diwujudkan. Keadaan ini penting di mahkamah bagi memastikan keselesaan dan ketenangan saksi kanak-kanak sementara menunggu giliran untuk memberikan keterangan. Kegagalan dalam memastikan setiap bangunan mahkamah mempunyai kemudahan seperti ini sudah pasti akan merencatkan pelaksanaan dan pemakaian prosedur yang ditetapkan oleh AKSKK.

Selain itu, keperluan tenaga pakar yang mampu bertindak sebagai orang pengantara perlu diberikan penekanan. Tidak terdapat garis panduan yang jelas berkenaan syarat dan kelayakan bagi pengantara yang akan membantu kanak-kanak semasa memberikan keterangan. Dicadangkan agar satu garis panduan yang jelas diwujudkan berhubung dengan perkara ini.

Garis panduan itu hendaklah memperincikan syarat kelayakan seseorang sebelum layak dilantik sebagai pengantara. Latihan dan kursus yang khusus perlu diberikan kepada mereka agar memahami fungsi dan peranan pengantara.

Seterusnya, saksi kanak-kanak juga perlu diberikan sokongan dalam bentuk perlindungan daripada gangguan tertuduh, terutamanya dalam kes jenayah seksual yang melibatkan tertuduh merupakan ahli keluarga terdekat kepada mangsa. Dalam keadaan ini, lebih selamat untuk meletakkan saksi kanak-kanak, yang merupakan mangsa, di rumah perlindungan, bagi mengelakkannya daripada sebarang gangguan atau ancaman tertuduh.

Seterusnya, saksi kanak-kanak juga boleh dibantu dengan bantuan psikologi daripada pakar bertauliah. Sokongan ini perlu diberikan

---

51 Seksyen 10.

52 Aminuddin Mustaffa dan Kamaliah Salleh, "Evidence By Child In Criminal Proceedings In Malaysian Courts: A Study On Post Ratification Of Convention Of Rights Of Child" dlm *Current Law Journal* 6: xxii, 2010.

kepada mereka bukan sahaja pada peringkat praperbicaraan dan semasa perbicaraan, tetapi juga melangkaui pada peringkat selepas perbicaraan. Mereka perlu diberikan sokongan pakar bagi membantu meredakan ketegangan, trauma dan tekanan yang mereka hadapi sepanjang perbicaraan kes di mahkamah sehingga selesai.

Aspek yang berkait dengan sistem sokongan ini amat penting untuk dititikberatkan bagi memastikan saksi kanak-kanak mendapat perlindungan dan layanan yang sewajarnya. Kegagalan memastikan sistem sokongan ini dilaksanakan mungkin memberikan kesan kepada saksi kanak-kanak yang dipanggil memberikan keterangan di mahkamah.

## KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa secara dasarnya undang-undang di Malaysia mengiktiraf dan menerima pakai keterangan kanak-kanak dalam perbicaraan, tertakluk pada pematuhan syarat serta prinsip perundangan tertentu yang telah digariskan oleh undang-undang. Meskipun demikian, terdapat cabaran sama ada dari sudut prosedur, undang-undang substantif mahupun kemudahan fizikal yang boleh memberikan kesan terhadap kelancaran proses pemberian keterangan oleh saksi kanak-kanak. Aspek ini perlu diberikan perhatian dan penilaian yang lebih teliti bagi memastikan proses mengetengahkan kanak-kanak sebagai seorang saksi dalam perbicaraan dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin dan berkesan, sekali gus membantu mahkamah membuat keputusan yang adil, telus dan saksama.

## RUJUKAN

- Abu Bakar Bin Munir, "Child Abuse and The Law Of Evidence" dlm. *Malayan Law Journal* 65, 1992.
- Abu Bakar Munir, "The Exceptions To The Hearsay Rule In Child Abuse Cases" dlm. *Current Law Journal* xix, 1993.
- Ahmad Ibrahim, 1974. "Evidence of Children" dlm. *Journal of Malayan Criminal Law* 216.
- Aminuddin Mustaffa dan Kamaliah Salleh, "Evidence By Child In Criminal Proceedings In Malaysian Courts: A Study On Post Ratification Of Convention Of Rights Of Child" dlm. *Current Law Journal* 6:xxii, 2010.
- Augustine Paul, 2000. *Evidence Practice and Procedure*. 2nd Edition. Kuala Lumpur: MLJ Sdn Bhd.

- Australian Law Reform Commission and Human Right and Equal Opportunity Commission Report, 1997. "Priority for Children in the Legal Process" dlm. (ALRC) 84, para 14.78.
- Chao Chong & Ors *lwn* Public Prosecutor [1960] 1 *MLJ* 238.
- Child Act 2001 (Act 611).
- Convention On The Rights of The Child (CRC).
- Criminal Justice Act 1988.
- Criminal Justice Act 2003.
- David Ormerod, "Hearsay: Hearsay Evidence - Whether To Be Admitted Where Primary Witness Available - Criminal Justice Act 2003 Ss.114(1)(D), 116" dlm. *Criminal Law Review* 11:58-861, 2010.
- Evidence Act 1950 (Act 56).
- Evidence of Child Witness Act 2007 (Act 676).
- Geoffrey Shannon, 2005. *Child Law*. Dublin: Thomson Round Hall.
- <http://www.statistics.gov.my>
- Ian Dennis, "The Right To Confront Witnesses: Meanings, Myths And Human Rights" dlm. *Criminal Law Review* 4, 255-74, 2010.
- J.F. Nijboer, "Children And Young Persons In The Criminal Justice System: The Council Of Europe Recommendation on Witness Protection Protection And Rights Of The Defence" dlm. *Criminal Law Forum* 10(4), 41, 1999.
- Jones v National Coal Board [1957] 2 *QB* 55.
- J.R. Spencer, "Children's Evidence: The Barker Case and the Cased for Pigot" dlm. *Archbold Review* 3, 5-8, 2010.
- J.R. Spencer and Rhona Flin, 1993. *The Evidence of Children the Law And The Psychology*. 2nd Edition. London: Blackstone Press Limited.
- Loo Chuan Huat v Public Prosecutor [1971] 2 *MLJ* 167.
- Mohd Akram, "Evidence Of Children In Child Abuse Cases In Malaysia: A Plea For Reform" dlm. *Current Law Journal* iii, 1996.
- PP v Wong Yee Sen & Ors [1990] 1 *MLJ* 187.
- Public Prosecutor v Mohd Noor Abdullah [1992] 1 *CLJ* 702.
- Public Prosecutor v Mohammad Terang Bin Amit [1999] 1 *MLJ* 154.
- Queensland Law Reform Commission, 1998. "The Receipt of Evidence by Queensland Courts: The Evidence Of Children" dlm. Discussion Paper, WP No 53.
- R v Baskerville [1916] 2 *KB* 658.



R v C [2010] *EWCA Crim* 72 (CA (Crim Div)).

R v W [2010] *UKSC* 2.

Sidek Bin Ludan v Public Prosecutor [1995] 3 *MLJ* 178.

Subramaniam v PP [1965] 1 *WLR* 965.

“Supporting The Realization Of Children’s Rights Through A Rights-Based Approach To Legislative Reform – Programming Guidance Paper Series”, 2007, New York: UNICEF.

Tajudin bin Salleh v Public Prosecutor [2008] 1 *MLJ* 397.

Teper v R [1952] *AC* 480.

[www.epu.gov.my](http://www.epu.gov.my)

Youth Justice and Criminal Evidence Act 1999.